



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 20

27hb September 2001

*TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 35.

ENAKMEN RIZAB MELAYU

PERINTAH RIZAB MELAYU (SELANGOR) (No. 10) 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat oleh subseksyen 17(2) Enakmen Rizab Melayu yang diwakilkan kepada Dato' Menteri Besar, Selangor, oleh Raja dalam Mesyuarat, Dato' Menteri Besar membuat perintah yang berikut:

*N.M.B. Bab 142.
Sel. P.U. 48/87.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Rizab Melayu (Selangor) (No. 10) 2001.** Nama.

2. Senarai bagi Negeri Selangor dalam Jadual Kedua kepada Enakmen Rizab Melayu adalah dipinda dengan menambahkan yang berikut kepadanya:

*Pindaan Jadual
Kedua.*

“International Islamic University Malaysia”.

Dibuat pada 29 Ogos 2001.

[PTG. Sel. 16/5/2/41; PU. Sel. Am 0104/1A.]

BAKHTIAR B. HUSSIN,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Selangor

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

MALAY RESERVATIONS (SELANGOR) (No. 10) ORDER 2001

*F.M.S. Cap. 142.
Sel. P.U. 48/87.*

IN exercise of the powers conferred upon the Ruler in Council by subsection 17(2) of the Malay Reservations Enactment and delegated to the Dato' Menteri Besar, Selangor, by the Ruler in Council, the Dato' Menteri Besar makes the following order:

Citation.

1. This Order may be cited as the **Malay Reservations (Selangor) (No. 10) Order 2001**.

Amendment of
Second Schedule.

2. The list in respect of the State of Selangor in the Second Schedule to the Malay Reservations Enactment is amended by adding the following thereto:

“International Islamic University Malaysia”.

Made the 29 August 2001.

[PTG. Sel. 16/5/2/41; PU. Sel. Am 0104/1A.]

BAKHTIAR B. HUSSIN,
*Clerk,
State Executive Council,
Selangor*

Sel. P.U. 36.

ENAKMEN RIZAB MELAYU

PERINTAH RIZAB MELAYU (SELANGOR) (No. 11) 2001

*N.M.B. Bab 142.
Sel. P.U. 48/87.*

PADA menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat oleh subseksyen 17(2) Enakmen Rizab Melayu dan yang diwakilkan kepada Dato' Menteri Besar Selangor oleh Raja dalam Mesyuarat, Dato' Menteri Besar membuat perintah yang berikut:

Nama.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Rizab Melayu (Selangor) (No. 11) 2001**.

Pindaan Jadual
Kedua.

2. Senarai bagi Negeri Selangor dalam Jadual Kedua kepada Enakmen Rizab Melayu adalah dipinda dengan menambahkan yang berikut kepadanya:

“Kumpulan Guthrie Berhad.”.

Dibuat pada 29 Ogos 2001.

[PTG. Sel. 16/5/2/37; PU. Sel. Am 0104/1A.]

BAKHTIAR B. HUSSIN,
*Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Selangor*

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

MALAY RESERVATIONS (SELANGOR) (No. 11) ORDER 2001

IN exercise of the powers conferred upon the Ruler in Council by subsection 17(2) of the Malay Reservations Enactment and delegated to the Dato' Menteri Besar, Selangor by the Ruler in Council, the Dato' Menteri Besar makes the following order: F.M.S. Cap. 142.
Sel. P.U. 48/87.

1. This Order may be cited as the **Malay Reservations (Selangor) (No. 11) Order 2001.** Citation.
2. The list in respect of the State of Selangor in the Second Schedule to the Malay Reservations Enactment is amended by adding the following thereto: Amendment of
Second Schedule.

“Kumpulan Guthrie Berhad.”.

Made the 29 August 2001.
[PTG. Sel. 16/5/2/37; PU. Sel. Am 0104/1A.]

BAKHTIAR B. HUSSIN,
Clerk,
State Executive Council,
Selangor

Sel. P.U. 37.

ORDINAN BINATANG 1953
(No. 17 tahun 1953)PERINTAH KAWALAN DAN PEMBASMIAN CONTAGIOUS ABORTION SERTA
PENYAKIT KUKU DAN MULUT (NEGERI SELANGOR) 2001

PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 36(1)(C)

BAHAWA Dato' Menteri Besar Selangor mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa penyakit-penyakit binatang bernama *contagious abortion* serta penyakit kuku dan mulut telah wujud di kalangan binatang dalam Negeri Selangor.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1)(c), seksyen 36, Ordinan Binatang 1953, Dato' Menteri Besar dengan ini membuat perintah berikut—

Nama dan pemakaian

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan dan Pembasmian *Contagious Abortion* Serta Penyakit Kuku dan Mulut (Negeri Selangor) 2001** dan hendaklah terpakai bagi seluruh Negeri Selangor.

Tafsiran

2. Dalam perintah ini melainkan jika konteknya menghendaki makna yang lain—

“binatang” ertinya lembu, kerbau, kambing dan bebiri daripada apa-apa umur, jantina, baka atau generasi; dan

“penyakit” ertinya *contagious abortion* serta penyakit kuku dan mulut.

Kawasan kawalan dan pembasmian penyakit

3. Dengan ini diisytiharkan bahawa seluruh Negeri Selangor adalah satu Kawasan Kawalan dan Pembasmian Penyakit dan hendaklah dikenali sebagai Kawasan Kawalan dan Pembasmian Contagious Abortion Serta Penyakit Kuku dan Mulut.

Larangan pemindahan atau penyembelihan

4. (1) Kecuali dengan kebenaran bertulis Pengarah Negeri atau mana-mana pihak berkuasa veterinar—

- (a) sebarang pemindahan binatang di antara mana-mana tempat di dalam atau keluar dari;
- (b) yang mana binatang itu berasal sebarang pemindahan binatang daripada mana-mana kawasan lain di Semenanjung Malaysia ke dalam; atau
- (c) sebarang penyembelihan atau menyebabkan penyembelihan binatang di dalam Negeri Selangor adalah dilarang.

(2) Pengarah Negeri atau mana-mana pihak berkuasa veterinar boleh menetapkan apa-apa syarat di dalam kebenaran bertulis yang dikeluarkan di bawah sub-perenggan (1) dan syarat-syarat ini jika ada hendaklah dipatuhi oleh sesiapa yang memindah atau menyembelih binatang itu.

Kuasa pihak berkuasa veterinar

5. (1) Mana-mana pihak berkuasa veterinar boleh pada bila-bila masa—

- (a) mengarahkan supaya tuannya binatang, mengikut masa, tarikh dan tempat yang ditetapkan menyerahkan binatang atau bangkainya untuk tujuan pemeriksaan dan pengambilan sample-sample karkas; darah; dan item-item lain yang difikirkan perlu bagi tujuan ujian, kajian atau pengesanan penyakit;
- (b) mengarahkan tuannya binatang, samada binatang itu dalam satu kelompok atau tidak, yang mana sampelnya telah diuji dan menunjukkan ianya dijangkiti penyakit mengambil tindakan berikut—
 - (i) mengasingkan binatang berkaitan dari kelompok asal dan mengurungkan dalam satu tempat yang berasingan;

- (ii) dengan serta-merta menandakan binatang berkaitan mengikut cara yang ditetapkan; dan
 - (iii) melupuskan binatang berkaitan mengikut cara yang ditetapkan;
 - (c) mengarah mana-mana binatang betina samada berkelompok atau tidak, yang berumur melebihi 4 bulan diserahkan untuk suntikan mengikut jadual masa, tarikh dan tempat yang ditetapkan. Binatang-binatang yang disuntik itu kemudiannya hendaklah ditanda mengikut cara yang ditetapkan; dan
 - (d) menetapkan sebarang peraturan bagi tujuan kawalan pencegahan dan pembasmian penyakit.
2. Mana-mana orang tanpa alasan yang munasabah enggan mematuhi atau gagal melaksanakan apa-apa perintah, arahan atau pun kehendak di bawah subperenggan (1) adalah melakukan satu kesalahan.

Bertarikh 20 Ogos 2001.

[JPH/P/SWP 213 Jld. II(22); PU. Sel. Am 0045.]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO,
Dato' Menteri Besar,
Selangor

ANIMALS ORDINANCE 1953
(17 of 1953)

CONTAGIOUS ABORTION WITH FOOT AND MOUTH DISEASE CONTROL AND
ERADICATION (STATE OF SELANGOR) ORDER 2001

ORDER UNDER SECTION 36(1)(C)

WHEREAS the Dato' Menteri Besar of Selangor has reasonable cause to believe that animal diseases called contagious abortion with foot and mouth disease exist amongst animals in the State of Selangor.

NOW THEREFORE in exercise of the powers conferred by subsection (1)(c), section 36, Animals Ordinance 1953, the Dato' Menteri Besar of Selangor hereby makes the following order—

Citation and application

1. This order may be cited as the **Contagious Abortion With Foot and Mouth Disease Control and Eradication (State of Selangor) Order 2001** and shall be applied throughout the State of Selangor.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“animal” means cattle, buffaloes, sheep and goats from any age, sex, breed or generation; and

“disease” means contagious abortion with foot and mouth disease.

Disease Control and Eradication Area

3. It is hereby declared that the whole State of Selangor is a Disease Control and Eradication Area and shall be known as Contagious Abortion with Foot and Mouth Disease Control and Eradication Area.

Prohibition of movement or slaughter

4. (1) Except with a written permission from a State Director or any veterinary authority—

- (a) any movement of animal between any place in or out of;
- (b) from where the animal originated, any movement of animal from any other place within Peninsula Malaysia into; or
- (c) any slaughter or cause to be slaughtered any animal in the State of Selangor is prohibited.

(2) The State Director or any veterinary authority may prescribe any condition in the written permission under subparagraph (1) and such condition if any shall be complied by any person who moved or slaughter the animal.

Power of veterinary authority

5. (1) Any veterinary authority may at any time—

- (a) order the owner to submit the animal, carcass or its cadaver for purposes of examination and collection of samples of carcass, blood and other items based on the time, date and locality as he deems necessary for the purpose of testing, studying or monitoring of the disease;
- (b) order the owner of the animal, whether the animal is in a herd or not, where its sample has been tested and confirmed to be infected with the disease to take the following actions—
 - (i) isolates the such animal from the original herd and confine the animal in a separate place;
 - (ii) with immediate effect marks the such animal based on the prescribed method; and
 - (iii) disposes off such animal based on the prescribed method;

- (c) order any female animal whether in herd or not, which is more than six (6) months old be submitted for vaccination based on the time, date and locality in the prescribed schedule. These vaccinated animal shall be marked based on the prescribed method; and
- (d) to make any order for the purpose of eradication and control of diseases.

(2) Any person without reasonable excuse, refuses to comply or fails to carry out any order, instruction or requirement under subparagraph (1) commits an offence.

Dated 20 August 2001.

[JPH/P/SWP 213 Jld. II(22); PU. Sel. Am 0045.]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO,
Dato' Menteri Besar,
Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA